

# KENYATAAN MEDIA



KEMENTERIAN EKONOMI  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

Blok C6 & C7, Kompleks C,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, Presint 1,  
62514, Wilayah Persekutuan Putrajaya  
No. Telefon : 03 - 8090 4681

## INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, MALAYSIA NOVEMBER 2024

---

**Indeks Harga Pengeluar Malaysia mencatatkan penurunan lebih perlahan 0.4 peratus pada November 2024**

**PUTRAJAYA, 24 Disember 2024** – Indeks Harga Pengeluar Malaysia, yang mengukur perubahan harga barang di peringkat pengeluar, turun 0.4 peratus pada November 2024, lebih perlahan berbanding penurunan 2.4 peratus yang dicatatkan pada Oktober 2024. Penurunan ini disebabkan oleh sektor Perlombongan yang terus menunjukkan trend penurunan, manakala sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan yang ketara. Ini dilaporkan dalam laporan bulanan terbaru **INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN, NOVEMBER 2024** diterbitkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia.

Ketua Perangkawan Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, menekankan, "Sektor Perlombongan turun 8.3 peratus pada November 2024, berbanding penurunan yang ketara sebanyak 17.3 peratus pada Oktober 2024, disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-14.8%). Sektor Pembuatan mencatatkan penurunan lebih kecil, 1.8 peratus berbanding penurunan 2.6 peratus pada Oktober 2024. Ini sebahagian besarnya disebabkan oleh harga yang lebih rendah dalam indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-16.8%) dan Pembuatan bahan kimia & produk kimia (-5.1%). Sementara itu, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan peningkatan ketara 21.8 peratus berbanding 13.8 peratus pada bulan sebelumnya. Ini disokong oleh indeks Penanaman tanaman kekal yang melonjak 37.7 peratus. Sektor Bekalan air meningkat 6.6 peratus, manakala sektor Bekalan elektrik & gas meningkat 0.9 peratus."

Beliau menjelaskan lagi, "Pada asas bulanan, IHPR Pengeluaran Tempatan meningkat 1.4 peratus pada November 2024 (Oktober 2024: -0.7%). Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan merekodkan peningkatan 8.5 peratus (Oktober 2024: 6.0%), disokong terutamanya oleh indeks Penanaman tanaman kekal, yang meningkat 13.6 peratus. Sektor Perlombongan pulih dengan peningkatan 5.7 peratus berbanding penurunan 2.7 peratus pada Oktober 2024. Ini disumbangkan oleh perubahan positif kedua-dua indeks Pengekstrakan gas asli (14.2%) dan Pengekstrakan petroleum mentah (2.7%). Sementara itu, sektor Pembuatan meningkat 0.3 peratus, peningkatan perlahan selepas penurunan sebelumnya 1.2 peratus. Ini disokong oleh indeks Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (2.0%) dan Pembuatan produk makanan (1.9%). Dalam sektor utiliti, sektor Bekalan air mencatatkan penurunan marginal 0.2 peratus, manakala sektor bekalan Elektrik & gas turun perlahan 0.1 peratus."

Mengulas lebih lanjut mengenai IHPR Pengeluaran Tempatan mengikut peringkat pemprosesan, Ketua Perangkawan Malaysia menyebut, "Indeks Barang siap meningkat 0.4 peratus (Oktober 2024: 1.1%) disebabkan oleh indeks Kelengkapan modal (1.3%). Sementara itu, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya terus menurun 2.0 peratus (Oktober 2024: -8.7%), dipengaruhi oleh penurunan indeks Bahan bukan makanan (-2.4%). Indeks bahan perantaraan, bekalan & komponen pula turun 0.2 peratus (Oktober 2024: -1.9%) disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-4.2%)."

Pada asas bulanan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya mencatatkan peningkatan 4.8 peratus, manakala Bahan perantaraan, bekalan & komponen meningkat 1.1 peratus pada November 2024. Walau bagaimanapun, indeks Barang siap turun 0.6 peratus.

Perbandingan antara negara terpilih menunjukkan bahawa Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Amerika Syarikat meningkat 3.0 peratus bulan ini, berbanding peningkatan 2.6 peratus pada Oktober 2024, disebabkan oleh indeks Permintaan akhir. IHPR Jepun meningkat 3.7 peratus berbanding 3.6 peratus pada bulan sebelumnya, terutamanya disebabkan oleh kos Produk pertanian, perhutanan dan perikanan. Sebaliknya, harga pintu kilang barang yang dikeluarkan oleh United Kingdom turun 0.6 peratus pada November 2024, menyederhana daripada penurunan 0.9 peratus pada Oktober 2024, didorong oleh kos yang lebih rendah bagi Bahan Kimia. Harga pengeluar China juga turun 2.5 peratus pada November 2024, perlahan berbanding penurunan 2.9 peratus pada bulan sebelumnya. Ini adalah deflasi pengeluar bulan ke-26 berturut-turut, yang terendah

**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024

sejak Ogos 2024, di mana Beijing telah melaksanakan langkah kestabilan ekonomi bagi menghadapi akhir tahun.


Berkenaan harga komoditi Malaysia yang terpilih, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin menerangkan bahawa, "Pada November 2024, harga minyak mentah global mengalami perubahan turun naik yang didorong oleh faktor seperti keputusan mengenai bekalan oleh pengeluar minyak utama dan kebimbangan terhadap permintaan global menurut Laporan Pasaran Minyak November 2024 oleh Agensi Tenaga Antarabangsa (IEA). Secara keseluruhan, harga minyak mentah Brent berada antara \$71 hingga \$75 setong. Walaupun harga minyak mentah global merosot disebabkan oleh bekalan yang berlebihan dan kebimbangan ekonomi, harga Malaysia meningkat, disokong oleh kekuatan mata wang dan dinamik permintaan serantau. Sementara itu, menurut Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), harga minyak sawit mentah Malaysia berlegar sekitar RM5,000 satu tan pada bulan ini, disokong oleh ketidaktentuan dalam bekalan eksport dan penurunan dalam pengeluaran."

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) telah melancarkan OpenDOSM NextGen sebagai medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.


Kerajaan Malaysia telah mengisytiharkan Hari Statistik Negara (MyStats Day) pada 20 Oktober setiap tahun. Tema sambutan MyStats Day adalah "Statistik Nadi Kehidupan". DOSM menyambut ulang tahun ke-75 Jubli Intan pada tahun 2024.

**Embargo :** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024

## Carta 1: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan, Malaysia




## Carta 2: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Sektor (Tahun ke Tahun), Malaysia




**Embargo :** Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024


### Carta 3: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Pengeluaran Tempatan mengikut Peringkat Pemprosesan (Tahun ke Tahun), Malaysia



### Carta 4: Peratus Perubahan Indeks Harga Pengguna (IHP) dan Indeks Harga Pengeluar (IHPR) bagi Negara-Negara Terpilih (Tahun ke Tahun)



**Embargo** : Hanya boleh diterbitkan atau disebarluaskan mulai jam 1200, Selasa, 24 Disember 2024



Sumber: Laman web rasmi *National Statistical Offices (NSOs)* terpilih

Dikeluarkan oleh:

**PEJABAT KETUA PERANGKAWAN  
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA  
24 DISEMBER 2024**

# MEDIA STATEMENT



MINISTRY OF ECONOMY  
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

Block C6 & C7, Complex C,  
Federal Government Administrative Centre, Precinct 1,  
62514, Federal Territory Putrajaya  
Telephone no. : 03 - 8090 4681

## **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, MALAYSIA NOVEMBER 2024**

---

***Malaysia's Producer Price Index recorded a slower decrease of 0.4 per cent  
in November 2024***

**PUTRAJAYA, 24<sup>th</sup> December 2024** – Malaysia's Producer Price Index, which measures price changes at the producer level, decreased by 0.4 per cent in November 2024, a slower decrease as compared to a 2.4 per cent drop recorded in October 2024. This decrease was attributed to the Mining sector, which continued its downward trend, while the Agriculture, forestry & fishing sector recorded notable increases. This was reported today in the latest monthly report of **PRODUCER PRICE INDEX (PPI) LOCAL PRODUCTION, NOVEMBER 2024** published by the Department of Statistics Malaysia.

*Chief Statistician Malaysia, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin, highlighted, “The Mining sector fell by 8.3 per cent in November 2024, as compared to a sharper decline of 17.3 per cent in October 2024, led by the Extraction of crude petroleum index (-14.8%). The Manufacturing sector recorded a smaller decline, a drop of 1.8 per cent as compared to a 2.6 per cent decrease in October 2024. This was largely due to lower prices in the index of Manufacture of coke & refined petroleum products (-16.8%) and Manufacture of chemicals & chemical products (-5.1). Meanwhile, the Agriculture, forestry & fishing sector posted significant increase, rising 21.8 per cent from 13.8 per cent in the previous month. This was mainly supported by the Growing of Perennial Crops index, which surged by 37.7 per cent. The Water supply sector increased by 6.6 per cent, while the Electricity & gas supply sector inched up 0.9 per cent.”*

*He further explained, "On a month-on-month basis, the PPI Local Production increased by 1.4 per cent in November 2024 (October 2024: -0.7%). The Agriculture, forestry & fishing sector recorded an increase of 8.5 per cent (October 2024: 6.0%), mainly supported by the Growing of perennial crops index, which rose by 13.6 per cent. The Mining sector rebounded with an increase of 5.7 per cent from a decline of 2.7 per cent in October 2024. This was supported by positive changes in both the Extraction of Natural Gas index (14.2%) and the Extraction of Crude Petroleum index (2.7%). Meanwhile, the Manufacturing sector inched up by 0.3 per cent, indicating a slight recovery following previous decline of 1.2 per cent. This was supported by Manufacture of coke & refined petroleum products (2.0%) and Manufacture of food products (1.9%) indices. In the utilities sector, the Water Supply sector recorded a marginal decline of 0.2 per cent, while the Electricity & Gas Supply sector decreased slightly by 0.1 per cent."*

*Elaborating further on the PPI Local Production by stage of processing, Chief Statistician Malaysia mentioned, "The Finished goods index went up 0.4 per cent (October 2024: 1.1%) attributed to the Capital equipment (1.3%) index. Meanwhile, the Crude materials for further processing index further decreased by 2.0 per cent (October 2024: -8.7%), primarily due to a decline in the Non-Food Materials index (-2.4%). The Intermediate materials, supplies & components index also went down by 0.2 per cent (October 2024: -1.9%) due to the Processed fuel & lubricants (-4.2%)."*

*On a monthly basis, the Crude materials for further processing index recorded an increase of 4.8 per cent, while Intermediate materials, supplies & components edged up 1.1 per cent in November 2024. However, the Finished goods index declined by 0.6 per cent.*

*Comparison among selected countries showed that the United States Producer Price Index (PPI) increased by 3.0 per cent this month, up from 2.6 per cent in October 2024, primarily due to the Final demand index. Japan's PPI rose by 3.7 per cent as compared to 3.6 per cent in the previous month, mainly due to the cost of Agriculture, forestry and fishery products. Conversely, factory gate prices for goods produced by United Kingdom fell by 0.6 per cent in November 2024, easing from 0.9 per cent decline in October 2024, driven by lower costs for Chemicals. China's producer prices also continued to decline by 2.5 per cent in November 2024, softer than a 2.9 per cent decline in the previous month. This was the 26<sup>th</sup> consecutive month of producer deflation, the lowest since August 2024 as Beijing implemented measures to stabilise the economy in anticipation of the year-end.*


**Embargo:** Only to be published or disseminated at 1200 hour, Tuesday, 24<sup>th</sup> December 2024

*With regards to Malaysia's current selected commodity prices, Dato' Sri Dr. Mohd Uzir Mahidin explained that, "In November 2024, global crude oil prices experienced fluctuations driven by factors such as supply decisions by major oil producers and concerns over global demand as reported in the Oil Market Report November 2024 by the International Energy Agency (IEA). Overall, Brent crude oil prices ranged between \$71 to \$75 per barrel during the month. While global crude oil prices declined due to oversupply and economic concerns, Malaysia's prices increased, supported by currency strength and regional demand dynamics. Meanwhile, according to the Malaysian Palm Oil Council (MPOC), Malaysia's crude palm oil prices hovering around RM5,000 per tonne this month, supported by uncertainties in export supply and a decline in production."*


*The Department of Statistics Malaysia (DOSM) has launched OpenDOSM NextGen as a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.*

*The Government of Malaysia has declared National Statistics Day (MyStats Day) on October 20<sup>th</sup> each year. MyStats Day theme is "Statistics is the Essence of Life". DOSM commemorates its 75<sup>th</sup> Diamond Jubilee in 2024.*

**Chart 1: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production, Malaysia**




**Chart 2: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Sector (Year-on-Year), Malaysia**




**Chart 3: Percentage Change of Producer Price Index (PPI) Local Production by Stage of Processing (Year-on-Year), Malaysia**



**Chart 4: Percentage Change of Consumer Price Index (CPI) and Producer Price Index (PPI) of Selected Countries (Year-on-Year)**





Source: Official websites of selected National Statistical Offices (NSOs)

Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA**

**DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA**

**24<sup>th</sup> DECEMBER 2024**